

18 SEP 2001
Russia-Sukhoi
RUSSIA GIAT LOBI MALAYSIA BELI SUKHOI SU-30

Oleh: Khairdzir Yunus

MOSCOW, 18 Sept (Bernama) -- Jika tidak kerana serangan pengganas terhadap Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York dan Pentagon di Washington Selasa lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah pasti melawat Russia dari 12 hingga 15 Sept lepas.

Keadaan yang tidak menentu akibat kejadian itu menyebabkan Dr Mahathir terpaksa menanggungkan lawatannya bukan sahaja ke Russia tetapi juga ke United Kingdom dan Jerman ke satu masa lain yang lebih sesuai.

Russia memahami alasan Malaysia tetapi pada masa yang sama amat mengharapkan Dr Mahathir dapat datang ke Moscow pada masa akan datang.

Lawatan yang bertujuan mengeratkan lagi hubungan persahabatan dan dua hala antara Malaysia dan Russia itu adalah atas undangan Presiden Russia Vladimir Putin.

Selain membincangkan soal mempertingkatkan perdagangan, Russia juga ingin mengambil kesempatan untuk mempamerkan kepada Dr Mahathir kemampuan pesawat pejuanganya Sukhoi SU-30.

Russia sedang giat melobi Malaysia, yang sedang menimbang untuk membeli pesawat tempur baru, supaya memilih Sukhoi SU-30.

Selain Russia, Amerika Syarikat juga ingin menjual pesawat tempur terbarunya Boeing F/A-18E/F Super Hornet.

Naib presiden dan pengurus besar pembangunan perniagaan bagi pesawat ketenteraan dan peluru berpandu Boeing, George Roman telah melawat Kuala Lumpur Jun lepas dan memperkenalkan pesawat Super Hornet sebagai mewakili teknologi terbaru dalam pembikinan pesawat terbang dan Malaysia dianggap sebagai sebahagian daripada program F/A-18 Hornet.

Boeing mahu mempamerkan kemampuan dua Super Hornetnya pada pameran dwi-tahunan Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) kali yang ke-enam di Langkawi dari 9 hingga 14 Okt ini.

Russia tidak mahu ketinggalan kerana ia juga ingin mempertontonkan kehebatan Sukhoi buatannya di Langkawi, menurut timbalan ketua pengarah Rosboronexport Victor Komazdin ketika diwawancara wartawan Malaysia di pejabatnya di Goglevsky Blvd, Moscow, baru-baru ini.

Kumpulan wartawan Malaysia ini telah terlebih dahulu terbang ke Moscow untuk membuat liputan lawatan Dr Mahathir yang ditangguhkan itu.

Rosboronexport, agensi yang bertanggungjawab mengeksport peralatan dan teknologi pertahanan Russia, menganggap pasaran Asia Pasifik sebagai satu daripada pasaran penting bagi produk ketenteraan dan pertahanan Russia.

Komazdin berkata Asia Pasifik merupakan pasaran besar bagi pesawat tempur dan anggaran pakar-pakar dari barat pasaran bagi Asia Pasifik sehingga tahun 2010 ialah sebanyak 20 bilion dollar Amerika.

"Oleh sebab itu, kita memberi perhatian besar kepada pameran udara LIMA sebagai menunjukkan kehadiran Russia di pasaran rantau ini," katanya semasa menjawab pertanyaan wartawan Malaysia dalam bahasa Russia dan diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu oleh wakil Utusan Malaysia di Moscow, Svet S. Zakharov.

Katanya sebagai membuktikan Russia serius dalam penyertaannya di LIMA, negara itu akan menghantar lebih daripada 300 contoh teknologi ketenteraan Russia untuk dipamerkan termasuk pelbagai jenis pesawat terbang, model dan replikanya melibatkan 30 syarikat yang terbabit dalam industri pertahanan.

Mengenai pasaran pesawat pejuang di Malaysia, beliau berkata Russia telah memasuki pasaran ini pada tahun 1994 dengan pembelian 18 pesawat MiG29 oleh Malaysia. "Itulah permulaan kami memasuki pasaran Asia Pasifik,"

katanya.

Beliau berkata Rosboronexport ingin menawarkan kepada Malaysia pesawat Sukhoi, armoured personnel carrier (APC), kereta kebal dan lain-lain peralatan pertahanan.

Komazdin yakin kerjasama Malaysia-Russia di bidang ketenteraan mempunyai prospek yang cerah.

Beliau berkata Russia sangat berharap Malaysia akan mempertimbangkan pembelian pesawat SU-30 dan sebagai jaminan hasil eksport Russia ke Malaysia ialah kualiti dan keberkesannya.

"Dr Mahathir pernah menyatakan Malaysia sedia menjadi platform untuk pasaran peralatan pertahanan Russia di kawasan Asia Tenggara dan Asia Pasifik.

"Kerjasama kami di bidang tentera tidak dikaitkan dengan politik, tiada syarat politik seperti yang biasanya mereka (pihak lain) gunakan dalam tawaran mereka," katanya.

Ditanya mengenai cabaran yang dihadapi Rosboronexport dalam menjual pesawat Sukhoinya, beliau berkata Rosboronexport menyertai persaingan dalam penjualan pesawat ini dengan menawarkan dua pesawatnya MiG-29 Multirole fighter aircraft dan Sukhoi SU-30, yang merupakan pesawat asas.

Katanya pesawat Sukhoi SU-30 boleh dibina mengikut keperluan Malaysia.

Setakat ini, hanya India dan China yang telah membuat pesanan pesawat itu.

Ditanya sama ada beliau menganggap SU-30 lebih baik berbanding Super Hornet, beliau berkata kedua-dua pesawat adalah baik.

"Bagaimanapun, dalam pembelian peralatan pertahanan faktor hubungan baik antara negara juga amat penting. Misalnya negara-negara Eropah tahu tentang kebaikan pesawat Russia tetapi mereka masih membeli pesawat Amerika kerana mahu menyertai Nato (Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara).

"Penjualan senjata sangat erat kaitannya dengan politik. Russia membina pesawat terbang sesuai dengan tradisi di Russia. Jaminan kami ialah pesawat kami cukup mudah dikendalikan.

"Wawasan kami dalam membina pesawat ialah supaya penerbang dapat mengambil keputusan sendiri. Biar juruterbang yang membuat keputusan sendiri. Tetapi Amerika berlainan, dia suka senang dan membiarkan komputer membuat keputusan untuk juruterbang. Amerika lain psikologinya dan kami berlainan dan ini tercermin dalam pesawat yang dibina kedua-dua negara," katanya.

Sementara itu, presiden Irkutsk Aviation Industrial Association, JSC, Alexey I. Fedorov, pembuat pesawat Sukhoi SU-30, berkata India sedang membeli sejumlah pesawat SU-30 yang mereka rancang untuk digabungkan dengan Yarkhont cruise missile, satu daripada peluru termodern.

Beliau yang menganggap Boeing F18 Super Hornet sebagai pesaing serius, berharap syarikat itu dapat menjual pesawat SU-30 kepada Malaysia.

"Kami akan melakukan demonstrasi penerbangan dengan versi terkini SU-30 buat pertama kali di Asia Tenggara, semasa di LIMA," katanya.

Di LIMA juga Irkutsk bercadang mempamerkan pesawat amphibious BE200.

Kerajaan Russia sendiri telah menempah 7 pesawat seumpama itu yang kebanyakannya digunakan bagi usaha memadam kebakaran hutan serta kerja mencari dan menyelamatkan.

-- BERNAMA
KHY KHY RON